



**DATO' SRI DR SHARIFAH ZARAH SYED AHMAD
MERASMIKAN PUSAT ILMU INTEGRITI SEMPENA
ULANG TAHUN INTEGRITI KE-12**



CONTENTS / KANDUNGAN



WHAT'S IN THE NEWS / BERITA TERKINI

03 Syahredzan: Whistleblowers not immune to OSA

SPECIAL EVENT / PROGRAM KHAS

04 INTEGRIT langsungkan tiga acara serentak

INTEGRITY ART NIGHT / MALAM SENI INTEGRITI

05 Ulang tahun ke-12, INTEGRITI sambut dengan sederhana tetapi bermakna

BREAKFAST TALK / SYARAHAN

06 Akta 711 lindungi pemberi maklumat

ROUND TABLE DISCUSSION / PERBINCANGAN MEJA BULAT

07 Penguatkuasaan berterusan tangani isu PATI

08 Kasih sayang bantu utuhkan institusi keluarga

09 GST: Isu Integriti

10 Peniaga perlu amalkan integriti tanpa waswas

NEWS / BERITA

11 Forum Perdana Ehwal Islam bincang kepentingan integriti dalam mencari rezeki

FEATURES / RENCANA

12 Integriti kekang salah guna kuasa

NEW BOOKS IN OUR LIBRARY / BUKU BAHARU PUSAT ILMU INTEGRITI

14 Buku-buku baharu di Pusat Ilmu INTEGRITI

GALLERY / GALERI

15 Berita bergambar tentang aktiviti-aktiviti lain di INTEGRITI

EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

Advisor

Dr. Anis Yusal Yusoff

Editor

Zubayry Abady Sofian

Assistant Editor

Nor Azni Ahmad Husairi (Malay)
Aimi Farhana Mohd Amin
(English)

Staff Writers

Norsheeda Din

Photographer

Rosalizawati Arshad

Cover

Aryzam Rahim

Contributors

Wan Kamaliah Wan Dagang
Fison Hamdi Ahmad
Hj. Hamilye Sham Harun
Fara Hasda Suhaimi
Harisham Ibrahim
Nelly Mansin
Anuar Ahmad
Mohd Ismail Abdul Jalil

Published monthly by

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

SYAHREDZAN: WHISTLEBLOWERS NOT IMMUNE TO OSA

KUALA LUMPUR: The Whistleblower Protection Act 2010 will not protect whistleblowers if the information exposed is classified as secret under the Official Secrets Act (OSA), said a lawyer.

Bar Council National Young Lawyers Committee chairman Syahredzan Johan said Section 6 of the act did not state that a whistleblower was protected from OSA or any other laws.

“This is a weakness and will impact a whistleblower especially civil servants who wanted to report wrongdoings in the government administration,” he said.

He was speaking at a question and answer session ‘Breakfast Talk’ entitled ‘Whistleblowers should be protected’ organised by the Malaysian Institute of Integrity (INTEGRITI) here today.

Also present at the session were INTEGRITI president and chief executive officer Dr Anis Yusal Yusoff, Key Performance Indicator (KPI) Officer to Datuk Paul Low, Shuhairoz Mohamed Shukeri and the Prime Minister’s Department Legal Affairs Division principal assistant director Akhzailina Md Akhir.

“This means a whistleblower is not entitled to receive protection for any exposure of documents which have been classified as official secret. The whistleblower is only protected if the information revealed is not classified as secret under OSA or any other laws,” said Syahredzan.

Meanwhile, Shuhairoz said a whistleblower need not expose documents classified as secret under OSA or any other laws as the person only had to report the matter to the authorities on any wrongdoings by their employers or superiors.

“However, the whistleblower cannot remove files or documents as only the appointed enforcement agency could do so,” she said.



Mr. Syahredzan Johan

Meanwhile Akhzailina said from 2010 to 2015, there were 55,287 complaints received from whistleblowers under the Whistleblower Protection Act and from the total, 12,527 complaints were received last year.

“The tip-offs involved the wrongdoings of civil servants and private sector employees and to date only 396 whistleblowers were eligible for protection under the act,” she said.

She said other complaints could not be accepted for various reasons among them false statements, doubts on sources and information or the information was categorised as petty as well as whistleblowers who did not adhere to all conditions under the act,” she said.



Detik-detik menarik sepanjang majlis

INTEGRITI LANGSUNGKAN TIGA ACARA SERENTAK

Oleh Azni Husairi dan Wan Kamaliah Wan Dagang

Tarikh 19 April amat istimewa apabila tiga acara berlangsung serentak di Menara Integriti sempena sambutan ulang tahun Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) yang ke-12.

Tiga acara yang dimaksudkan ialah perasmian Pusat Ilmu INTEGRITI, pelancaran Pertandingan Mencipta Video Pendek Integriti dan penyampaian hadiah Pertandingan Fotografi *Integrity In Action* yang telah dilancarkan sebelum ini pada 1 Disember tahun lalu. Majlis perasmian dan pelancaran berkenaan telah dilakukan oleh Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad yang merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKM) dan juga Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI. Ia turut disaksikan oleh Naib Presiden Universiti Tunku Abdul Rahman (UPTAR), Dr. Lee Sze Wei.

Perasmian Pusat Ilmu Integriti yang sebelum ini dikenali sebagai Pusat Sumber Bestari adalah penting sebagai sebahagian daripada penjenamaan semula perpustakaan berkenaan. Malahan, ketika berucap, Dato' Sri Dr. Sharifah

Zarah turut menyifatkan Pusat Ilmu Integriti sebagai pusat dan sumber kepada pendidikan, sekali gus menjadi tempat rujukan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan integriti.

Sementara itu, pelancaran Pertandingan Mencipta Video Pendek Integriti yang telah diadakan dengan kerjasama Universiti Tunku Abdul Rahman (UPTAR) memberi peluang kepada INTEGRITI untuk mendekati generasi Z. Bertemakan 'Nilai Integriti Pelbagai Agama Teras Kesejahteraan Rakyat', pertandingan ini terbuka kepada semua penuntut universiti swasta dan akan berakhir pada 20 Julai 2016. Ia merupakan sebahagian daripada usaha murni kedua-dua pihak dalam meningkatkan lagi kesedaran tentang kepentingan memelihara semangat perpaduan dan persefahaman antara penganut pelbagai agama dalam masyarakat.

Bagi Pertandingan Fotografi *Integrity In Action*, pemenang dibahagikan kepada dua kategori iaitu A yang bertemakan integriti dan B bertemakan Malaysia. Untuk kategori A, Muhammad Haffizzuddin Baharin diumumkan sebagai juara, manakala kategori B pula dimenangi oleh Muhammad Ashari Mohamad Napiah. Masing-masing membawa pulang wang tunai sebanyak RM3,000 dan sijil penyertaan.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff, pertandingan tersebut dianjurkan sebagai usaha untuk menyebarkan mesej integriti berdasarkan minat individu. Malahan, ia turut memberi kesempatan kepada para peserta untuk menterjemahkan integriti menerusi sentuhan kreatif lensa masing-masing. Usaha untuk membudayakan integriti harus dipelbagaikan agar ia sampai ke setiap lapisan masyarakat.



Para pemenang Pertandingan Fotografi In Action bergambar kenangan di akhir majlis

ULANG TAHUN KE-12, INTEGRITI SAMBUT DENGAN SEDERHANA TETAPI BERMAKNA

Oleh Azni Husairi dan Fison Hamdi Ahmad



Dr. Anis Yusaf Yusoff memotong pulut kuning sempena menyambut ulang tahun INTEGRITI yang ke-12 dengan disaksikan oleh (dari kiri) YB. Dr. Tan Seng Giaw, Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Ahmad, Dr. Chandra Muzaffar, Dr. Zainal Abidin Abdul Majeed dan Datuk Dr. Mohd Tap Salleh

Meraikan ulang tahun yang ke-12, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) tampil dengan siri khas *Integrity Art Night* bertemakan 'Integriti di Hati' yang berlangsung pada 29 April yang lalu di Menara Integriti.

Ketika berucap, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusaf Yusoff berkata, majlis berkenaan amat bermakna kerana ia berjaya menghimpunkan pelbagai pihak yang telah memainkan peranan sejak INTEGRITI ditubuhkan lebih sedekad yang lalu. Malah, ia juga menjadi satu *milestone* yang penting buat INTEGRITI.

"Adalah menjadi kebanggaan INTEGRITI apabila majlis ini walaupun diadakan secara sederhana turut mendapat sokongan daripada semua pihak tanpa mengambil kira sebarang perbezaan fahaman politik," sambung beliau lagi.

Pada malam itu, semua tetamu dihiburkan dengan persembahan menarik daripada *Recycle Band* MDHS, sebuah kumpulan muzik yang menggunakan sepenuhnya instrumen daripada bahan kitar semula dan

juga insan seni kurang upaya, Pak Zuki Peniup Seruling. Pada masa yang sama, ia turut diselangi dengan satu dialog santai bersama ketua kumpulan *Recycle Band* MDHS, Pak Deik dan pengurus kumpulan, Pn. Nurul Huda Ahmad Khairuddin.

Ujar Pak Deik, pemilihan instrumen yang digunakan merupakan inisiatif kumpulan itu untuk menggalakkan masyarakat agar kreatif dalam mengguna dan mengubah suai bahan terbuang supaya boleh digunakan semula.

"Penggunaan alat muzik yang berasaskan bahan kitar semula ini merupakan medium perantara untuk menyedarkan masyarakat tentang pentingnya menjaga alam sekitar dan tidak membuang sampah di merata tempat secara sewenang-wenangnya," kata Pak Deik lagi.

Sementara itu, Pak Zuki juga sempat menyuarakan harapannya agar masyarakat memberikan ruang, peluang dan sokongan kepada pemuzik jalanan seperti mereka meraih rezeki yang halal dengan menggunakan bakat yang ada, sekali gus menyebarkan nilai-nilai positif.

Turut hadir bagi meraikan sambutan ulang tahun INTEGRITI ialah ahli-ahli Lembaga Pengarahnya, ahli-ahli INTEGRITI dan Datuk Dr. Mohd Tap Salleh yang merupakan mantan Presiden INTEGRITI.



Pn. Nurul Huda Ahmad Khairuddin dan Pak Deik sewaktu sesi dialog



Pak Zuki ketika ditemu bual



(Dari kiri) Pn. Akhzailina Md. Akhir, Dr. Anis Yusaf Yusoff, Pn. Shuhairoz Mohamed Shukeri dan En. Syahredzan Johan

AKTA 711 LINDUNGI PEMBERI MAKLUMAT

Oleh Hj. Hamiye Sham Harun dan Fara Hasda Suhaimi

Kegiatan rasuah tidak wajar dipandang remeh kerana ia boleh memudaratkan negara. Justeru, kerjasama orang ramai melaporkan salah laku berkenaan amat perlu agar rasuah dapat dibanteras daripada terus menular dalam masyarakat.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pn. Akhzailina Md. Akhir ketika menjadi ahli panel dalam program *Breakfast Talk* anjuran Institut Integriti Malaysia pada 14 April lalu yang bertajuk 'Pemberi Maklumat Wajar Dilindungi', pemberi maklumat ataupun *whistleblower* tidak perlu takut melaporkan sebarang aktiviti rasuah yang berlaku dalam organisasi ataupun jabatan masing-masing kerana individu terbabit akan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) yang telah diluluskan oleh Parlimen pada 6 Mei 2010.

Katanya lagi, bagi menggalakkan ramai individu menjadi pemberi maklumat, BHEUU dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia

(SSM), Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) giat mempromosikan akta berkenaan kepada masyarakat.

Menekankan aspek kerahsiaan menjadi keutamaan, panel kedua, Pn. Shuhairoz Mohamed Shukeri yang merupakan Pegawai KPI kepada Menteri di JPM, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan menegaskan bahawa pegawai yang bertanggungjawab menerima maklumat daripada pemberi maklumat mestilah terdiri daripada individu yang jujur, amanah dan berakuntabiliti dalam menyimpan rahsia tersebut.

"Jika pegawai atau penerima maklumat itu bertukar, kes atau laporan yang diterima juga akan ditukarkan kepada pegawai lain yang layak. Tetapi, jika pemberi maklumat tidak mahu pegawai lain (pegawai baru yang menggantikan pegawai lama) memproses maklumat yang telah

diberikannya, kes atau laporan tersebut akan ditutup," ujar Pn. Shuhairoz lanjut.

Sementara itu, peguam dan Pengerusi Jawatankuasa Peguam-Peguam Muda Nasional (JPMN) Majlis Peguam Malaysia, En. Syahredzan Johan menjelaskan bahawa pemberi maklumat boleh dikategorikan kepada orang ramai dan penjawat awam. Katanya, kerjasama daripada golongan ini amat penting bagi menangani kegiatan rasuah dan salah guna kuasa kerana mereka merupakan 'orang dalaman' sesebuah organisasi yang tahu tentang salah laku yang berlaku. Meskipun begitu *trust deficit* yang berlaku dalam masyarakat perlu ditangani terlebih dahulu.

Menurut En. Syahredzan, *trust deficit* yang dimaksudkan adalah melibatkan persepsi orang ramai yang tidak yakin dengan agensi penguat kuasa serta kebimbangan mereka terhadap ketirisan maklumat yang diberikan. Malahan, ada juga pemberi maklumat yang lebih selesa mendedahkan maklumat yang dimiliki kepada ahli politik atau media berbanding pihak berkuasa.

PENGUATKUASAAN BERTERUSAN TANGANI ISU PATI

Oleh Harisham Ibrahim



Dato' Jaafar Mohammed



En. Jack Meredu Ko



En. Goh Seng Wing

Kehadiran pekerja asing di Malaysia sudah menjadi bahan bualan masyarakat tempatan sejak 1990-an lagi. Namun, lambakan mereka di negara ini dilihat kian ketara dengan statistik yang dikeluarkan oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri menunjukkan bahawa bilangan warga asing yang mendaftar bekerja dalam lima sektor iaitu pertanian dan perladangan, pembinaan, pembuatan, perkhidmatan serta pembantu rumah berkenaan telah mencecah 2.1 juta orang pada tahun lalu berbanding 1.8 juta orang pada 2010.

Meskipun angka tersebut kian meningkat dari hari ke hari, namun isu utama yang membimbangkan kerajaan ialah kadar kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang semakin bertelusa. Dalam dialog khas berkaitan integriti agensi penguatkuasaan yang bertajuk 'Kebanjiran Warga Asing, Apa Kesudahannya' pada 20 April lalu anjuran Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Dato' Jaafar Mohammed memberitahu bahawa terdapat PATI yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang negara seperti

kegiatan pelacuran.

Tambah beliau, sekitar 25 juta orang warga asing datang ke Malaysia setiap tahun bagi tujuan bekerja dan melancong. Namun, hanya 22 juta sahaja yang akan pulang ke negara masing-masing, manakala selebihnya memilih untuk kekal berada di sini dengan pelbagai alasan seperti berkahwin dengan penduduk tempatan dan memiliki pas UNHCR.

Menyedari kemasukan warga asing yang kian menjadi-jadi, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, En. Jack Meredu Ko menegaskan bahawa penguatkuasaan yang berterusan sentiasa dilakukan oleh

kerajaan bagi mengekang keadaan ini.

"Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung misalnya akan sentiasa melakukan pemeriksaan berkanun dan pemeriksaan tanpa notis di tempat-tempat pekerjaan yang menggajikan bilangan pekerja asing dengan jumlah yang ramai secara berterusan. Malahan, mana-mana majikan yang menggajikan pekerja asing yang dikenal pasti telah melanggar peraturan dan perundangan perburuhan negara ini juga akan didakwa," jelas beliau lanjut seraya menambah bahawa kerajaan pada masa yang sama tidak mengabaikan hak-hak pekerja asing di negara ini.

Turut hadir sebagai ahli panel dalam dialog berkenaan ialah Perunding Kanan, Perhubungan Perusahaan, Persekutuan Majikan Malaysia, En. Goh Seng Wing.

Menerusi dialog ini, terdapat beberapa perkara yang telah dikenal pasti. Ini meliputi keperluan latihan yang cukup daripada aspek patriotisme kepada kalangan pegawai penguat kuasa. Dalam konteks integriti, para pegawai agensi penguatkuasaan ini perlu melaksanakan tugas "without fear and favour", jauh sekali daripada mengambil kesempatan untuk kepentingan peribadi.





(Dari kiri)
Puan Nazlina
Abd Ghani,
Dr. Ghazali
Darusalam dan
Encik Hairil
Fadzly Md Akir

KASIH SAYANG BANTU UTUHKAN INSTITUSI KELUARGA

Oleh Nelly Mansin

Sejajar dengan peranan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) sebagai badan koordinasi, pemantau dan penilai terhadap usaha-usaha yang dilakukan oleh agensi pelaksana Pelan Integriti Nasional (PIN) di Malaysia, INTEGRITI telah menganjurkan satu perbincangan meja bulat bagi membincangkan tentang 'Strategi Bagi Memantapkan Institusi Keluarga Selaras dengan Tekad Ke-4 Pelan Integriti Nasional (PIN)' pada 27 April lalu. Ia dihadiri oleh 19 orang wakil daripada pelbagai agensi pelaksana.

Program yang berlangsung di Menara Integriti ini mengetengahkan tiga orang panel iaitu Pegawai Kerja Sosial, Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) Puan Nazlina Abd Ghani, Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keluarga, Universiti Malaya, Dr. Ghazali Darusalam dan Pengarah Sektor Dasar dan Penilaian Outcome, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN), Encik Hairil Fadzly Md Akir.

Dalam perbincangan meja bulat berkenaan, setiap anggota keluarga

ditekankan agar saling hormat-menghormati, sayang-menyayangi serta mempunyai rasa tanggungjawab antara satu sama lain. Ini penting agar semua ahlinya terhindar daripada pelbagai perkara yang tidak baik seperti perceraian, keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak.

Berdasarkan daripada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, didapati bahawa kadar perceraian membabitkan pasangan yang berkahwin dalam tempoh lima tahun pertama meningkat daripada 48,073 kes pada tahun 2012 kepada 49,722 pada tahun berikutnya. Jumlah berkenaan terus meningkat sehingga 53,904 pada tahun 2014.

Sementara itu, laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM - 5) oleh LPPKN turut mendedahkan bahawa kebanyakan perceraian berlaku disebabkan oleh ketidaksefahaman antara suami dan isteri. Faktor lain yang juga menjadi penyumbang kepada keruntuhan rumah tangga ialah pasangan curang dan wujud campur

tangan pihak ketiga. Bagaimanapun, kajian yang lebih dalam dan terperinci perlu dijalankan bagi mengenal pasti punca utama perceraian berlaku dalam rumah tangga.

Selain itu, penderaan dan penganiayaan kanak-kanak oleh ibu bapa mahupun penjaga turut mendapat perhatian meja bulat. Di negara ini, jumlah kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan dilaporkan kian meningkat. Mengikut data yang diperolehi daripada Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), bilangan mereka meningkat dari 3,831 pada 2012 kepada 4,119 orang pada tahun selepasnya. Jumlah ini kemudian mencecah sebanyak 4,295 pada dua tahun lalu.

Melihatkan statistik yang diketengahkan oleh ahli-ahli panel, isu kekeluargaan yang melanda institusi keluarga pada hari ini jelas perlu diberikan perhatian yang serius. Sehubungan itu, semua input yang diperolehi daripada perbincangan meja bulat ini amat penting bagi merangka strategi untuk memantapkan lagi institusi keluarga yang sedia ada di Malaysia.

GST: ISU INTEGRITI PENIAGA

Oleh Anuar Ahmad

Pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) telah pun genap setahun sejak ia mula dikuatkuasakan buat kali pertama di negara ini pada 1 April tahun lalu. Sepanjang tempoh itu, pelbagai reaksi diberikan oleh pelbagai lapisan masyarakat tentang integriti dan kejayaan pelaksanaan GST.

Diskusi bertajuk 'Integriti Para Peniaga Selepas Setahun Pelaksanaan GST' yang dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) pada 28 April lalu mendedahkan bahawa sebanyak 409,843 syarikat telah berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), sementara kutipan GST yang diperolehi sepanjang sembilan bulan pada tahun 2015 menjangkau RM27 bilion, sekali gus menyumbang kepada 12 peratus hasil pendapatan negara. Malah, dianggarkan bahawa jumlah kutipan pada tahun ini boleh mencecah RM39 bilion. Bagaimanapun, pelaksanaan GST jelas perlu berhadapan dengan pelbagai isu integriti dalam kalangan peniaga.

Antara isu utama yang diketengahkan dalam diskusi berkenaan ialah kegagalan peniaga melaksanakan dua perkara iaitu mendaftar dengan JKDM dan menyerahkan hasil kutipan GST kepada kerajaan dalam tempoh yang ditetapkan.



En. Abdul Mohsein Mohd Shariff



En. Saravanan Thambirajah



En. Tan Kim Siat

Namun, menurut salah seorang ahli panel, Tan Kim Siat, Pengarah Bahagian GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, sehingga kini masih terdapat sebanyak RM1 bilion tuntutan bayaran balik input cukai oleh peniaga yang ditahan JKDM kerana butiran tuntutan yang diberikan meragukan. Selain itu, wujud juga kecenderungan segelintir peniaga yang bertindak menutup perniagaan yang telah dikenal pasti layak mendaftar kerana jumlah *threshold* tahunan melebihi RM500 ribu setahun, tetapi membuka semula perniagaan berkenaan pada skala kecil bagi mengelak daripada pendaftaran GST.

Mengupas isu integriti dari kaca mata pengguna, Pengarah Komunikasi, Penyelesaian Pertikaian dan Mobilisasi

Sumber, Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Saravanan Thambirajah berkata bahawa terdapat banyak aduan dibuat oleh pengguna tentang bebanan yang terpaksa ditanggung akibat kenaikan harga barang yang telah diwartakan sebagai *zero-rated* dan tidak wajar dikenakan GST.

Mengulas akan hal itu, Setiausaha Agung, Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), Abdul Mohsein Mohd Shariff mengakui masih ramai ahli DPIM yang kurang jelas berkaitan barang-barang yang dilabelkan sebagai bebas GST. Justeru, katanya, sesi penerangan yang berterusan oleh JKDM perlu bagi mempertingkatkan lagi tahap pemahaman mereka.

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan bahawa ada peniaga yang perlu menaikkan harga bagi menampung kos untuk perisian khas GST dan penyediaan laporan bulan serta penghantarannya kepada JKDM. Kos turut bertambah apabila peniaga terpaksa menggaji pekerja tambahan untuk mengendalikan sistem GST ekoran kurang kemahiran.



Beberapa orang peserta memberikan idea dan cadangan

PENIAGA PERLU AMALKAN INTEGRITI TANPA WASWAS

Oleh Mohd Ismail Abdul Jalil
dan Azni Husairi

Para peniaga perlu berintegriti dalam menjalankan urusan peniagaan, ulas Datuk Bandar Petaling Jaya, En. Mohd Azizi Mohd Zain sewaktu menghadiri program Integriti Bersama Peniaga di Petaling Jaya pada 5 April lalu di Dewan Sivik MBPJ.

Ujar beliau lagi, program berkenaan yang merupakan anjuran bersama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ini diadakan bagi membaiki kefahaman dan kesedaran peniaga tentang kepentingan integriti ketika melaksanakan aktiviti perniagaan selain patuh dengan prosedur yang telah ditetapkan bagi mengelakkan masalah pada kemudian hari.

Dalam satu sesi dialog bertajuk 'Pengalaman Etika Perniagaan Dan Tadbir Urus Yang Baik' yang diadakan sempena dengan program tersebut, En. Mohd Azizi memberitahu bahawa MBPJ telah mempermudah borang-borang yang berkaitan dengan permohonan lesen perniagaan dan urusan-urusan lain. Dengan ini, para peniaga boleh berurusan terus dengan MBPJ tanpa perlu menggunakan khidmat orang tengah yang bukan sekadar akan menyebabkan peningkatan kos, tetapi maklumat yang diberikan oleh golongan ini juga ada kalanya kurang tepat.

Selain itu, beliau turut meminta semua peniaga agar bersabar semasa memohon permit perniagaan dengan MBPJ kerana ada kalanya hal berkenaan perlu dirujuk dengan



(Dari kiri) En. Mohd Azizi Mohd Zain, Dr. Anis Yusal Yusoff dan En. Nizal Mohammad sebagai moderator

agensi lain sebelum permit dapat dikeluarkan. Pada masa yang sama, En. Mohd Azizi juga mengingatkan peniaga agar sentiasa menjaga kebersihan premis masing-masing dan tidak menjalankan perniagaan di kaki lima jalan kerana tindakan tersebut boleh mengganggu lalu lintas di kawasan tersebut.

Sementara itu, Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff yang juga merupakan salah seorang ahli panel turut mengetengahkan beberapa isu integriti yang acap kali melibatkan peniaga. Antaranya termasuklah memberi maklumat palsu ketika memohon pinjaman kewangan daripada institusi perbankan, kegagalan mematuhi peraturan serta undang-undang yang ditetapkan pihak berkuasa, menjual produk

yang rendah kualiti dan menyorokkan barang jualan seperti gula dengan niat untuk menaikkan harga jualannya pada masa depan.

Dr. Anis berkata, peniaga tidak perlu waswas untuk menjalankan perniagaan secara beretika mahupun melakukan tadbir urus yang baik. Ini kerana pelanggan lazimnya akan mempunyai persepsi yang positif terhadap mana-mana peniaga yang bersikap jujur, amanah, bertanggungjawab, telus dan bebas rasuah.

"Pelanggan biasanya akan terdorong untuk membeli barangan daripada peniaga yang sama jikalau dia mendapat layanan yang baik dan mesra daripada peniaga tersebut," katanya.

FORUM PERDANA EHWAL ISLAM BINCANG KEPENTINGAN INTEGRITI DALAM MENCARI REZEKI

Oleh Harisham Ibrahim



(Dari kiri) Ustaz Zakaria Othman, Ustaz Elyas Ismail dan Dato' Badli Shah Alauddin

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia telah menganjurkan Forum Perdana Ehwah Islam pada 28 April lalu di Arena YAM Tengku Muda Pahang, Maran, Pahang. Forum yang bertajuk 'Rahsia Tarik Rezeki' ini diadakan bersempena dengan ulang tahun ke-12 INTEGRITI dan juga sambutan Hari Pekerja yang diraikan pada 1 Mei setiap tahun.

Juga disiarkan secara langsung di saluran TV1, forum perdana ini nyata menerima sambutan yang menggalakkan dengan jumlah kehadiran dianggarkan mencecah sehingga 2,500 orang yang mana kebanyakan daripada mereka merupakan penduduk sekitar daerah Maran. Lebih istimewa apabila Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri

Haji Ismail Haji Abd. Muttalib yang juga merupakan Ahli Parlimen Daerah Maran turut hadir dalam program berkenaan.

Antara lain yang turut hadir ialah ADUN Chenor, YB. Hj. Mohamed Arifin Awang Ismail, ADUN Kuala Sentul, YB. Dato' Shahaniza Shamsuddin, dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin dan Ketua Penyelaras, Pusat Pembangunan dan Perlaksanaan Program INTEGRITI, Mohammad Diah Hj. Wahari.

Program yang berlangsung selama sejam ini menampilkan dua panel iaitu Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Agama Islam Pahang, Dato' Badli Shah Alauddin dan pendakwah bebas, Ustaz Elyas Ismail dengan Ustaz Zakaria

Othman dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai moderator.

Forum berkenaan membincangkan tentang keperluan umat Islam negara ini untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh dedikasi dan berintegriti agar rezeki yang diperoleh diberkati Allah.

Malahan, mereka turut disarankan agar sentiasa muhasabah dan menilai tahap etika serta integriti masing-masing ketika menjalankan tugas. Perbuatan tidak berintegriti seperti curi tulang dan omong kosong semasa bekerja perlu dielakkan supaya mereka dapat menjadi pekerja yang produktif, sekali gus mampu menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan ummah.

INTEGRITI KEKANG SALAH GUNA KUASA

Oleh Anuar Ahmad

Disiarkan dalam Utusan Malaysia, 6 April 2016

Baru-baru ini negara ini digemparkan dengan berita seorang pegawai tinggi kerajaan iaitu Setiausaha Bahagian Kewangan, Kementerian Belia dan Sukan yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas 32 pertuduhan rasuah melibatkan dana kerajaan berjumlah RM32.4 juta yang dilakukan sejak enam tahun lalu. Sebagai rakyat Malaysia yang prihatin terhadap kesejahteraan negara, kita sewajarnya merakamkan ucapan tahniah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang bekerja keras menjalankan penyiasatan dan mengumpulkan bukti sehingga berjaya mengheret pegawai berkenaan ke muka pengadilan untuk dibicarakan secara adil dan saksama.

Kejadian ini mengingatkan kita akan pentingnya nilai integriti terus disemai dan dipupuk dalam diri setiap penjawat awam agar mereka sentiasa peka tentang pentingnya menjaga amanah yang disandarkan di bahu mereka iaitu memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Dalam hubungan ini, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah menganjurkan persidangan meja bulat atas tajuk "Isu-Isu Integriti Utama Dalam Dapatan Laporan Ketua Audit Negara" pada 29 Mac lalu yang menampilkan para panel iaitu Timbalan Pengarah, Bahagian Audit Kerajaan Persekutuan, Jabatan Audit Negara, Zaki Ismail, Timbalan Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Sazali Salbi dan Presiden Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG), Datuk Yusli Mohamed Yusoff.

Persidangan meja bulat ini dihadiri oleh seramai 20 orang wakil dari pelbagai kementerian, badan berkanun, syarikat milik kerajaan (GLC) dan juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan.

Secara keseluruhan, dapatan Ketua Audit Negara yang dibentangkan menunjukkan bahawa berlaku kesalahan-kesalahan secara berulang-ulang oleh pegawai-pegawai kerajaan pada setiap tahun dan ia dapat dikelompokkan kepada enam jenis kesalahan seperti berikut:

- i) Kerja/bekalan tidak mengikut spesifikasi, tidak berkualiti atau tidak sesuai;
- ii) Kelewatan menyiapkan projek yang tidak munasabah

oleh pembekal/kontraktor;

iii) Pembaziran dana kerajaan;

iv) Kelemahan pengurusan pemungutan hasil kerajaan;

v) Kelemahan pengurusan aset kerajaan; dan

vi) Ketidapatuhan terhadap undang-undang alam sekitar.

Kesalahan secara berulang ini tidak akan berlaku jika semua pegawai kerajaan menyempurnakan amanah dan tanggungjawab dengan penuh berintegriti. Ini kerana dari segi sistem dan prosedur perolehan, sistem yang diguna pakai di negara kita adalah amat sistematik. Begitu juga dari segi penguatkuasaan undang-undang. Undang-undang sedia ada juga mencukupi untuk mengekang sebarang bentuk penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

Dari segi inisiatif, penguatkuasaan moral dan nilai penjawat awam, kita ada Indeks Persepsi Integriti Nasional dan Indeks Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) yang mana skor indeks komposit nilai penjawat awam bagi tahun terkini adalah 72.3 peratus.

Sementara itu, dari segi mengukur tahap kecintaan rakyat kepada negara kita ada Indeks Patriotisme Negara yang dikeluarkan oleh Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri iaitu pada paras 3.8/5 (2014) dan dari segi pematuhan kepada syariah kita ada Indeks Maqasid Syariah yang baru diumumkan oleh kerajaan yang berada pada paras 75.42 peratus.

Namun, memang benarlah ungkapan ahli falsafah terkenal Britain, Bertrand Russell, bekas pemenang Hadiah Keamanan Nobel yang mengatakan bahawa "*No amount of rules could ensure morality*". Sistem dan prosedur yang canggih sekalipun tidak dapat mengekang pengkhianatan kepada amanah selagi penjawat awam tidak menjadikan agama sebagai cara hidup mereka.

Dari segi Islam, jenayah mencuri atau menggelapkan wang kerajaan ini tergolong dalam kelompok jenayah yang disebut sebagai Al-Sariqah. Dalam hal ini Allah berfirman: "Dan lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri

maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang telah mereka usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa Lagi Maha Bijaksana." (Surah Al-Maidah 5:38).

Mengikut perundangan Islam, bagi pesalah yang mencuri maka hendaklah dipotong tangannya pada kali pertama dan bagi kesalahan mencuri kali kedua, maka hendaklah dipotong kaki kirinya.

Walau bagaimanapun, jika dia mencuri lagi kali ketiga dan disabitkan kesalahan, maka dia akan dikenakan hukuman takzir dan dipenjarakan. Semasa pemerintahan Saidina Ali bin Abi Talib, seorang lelaki telah disabitkan untuk kesalahan mencuri maka baginda telah memotong tangan kanan lelaki berkenaan.

Kemudiannya lelaki berkenaan dibawa kepadanya untuk kesalahan mencuri kali kedua dan baginda telah memotong kaki kirinya pula. Namun apabila lelaki berkenaan dibawa untuk kesalahan mencuri kali ketiga, Saidina Ali r.a. berkata bahawa: "Aku tidak akan memotong tangan kiri dan kaki kanannya, jika aku memotong tangannya lagi dengan apakah dia akan berjalan? Sesungguhnya aku sangat malu terhadap Allah di atas tindakan aku itu. Lalu Saidina Ali memukul lelaki tersebut dengan kayu dan memenjarakannya". (Riwayat Al-Baihaqi).

Begitulah indahny Islam meletakkan hukuman terhadap jenayah Sariqah ini di mana sekiranya seseorang itu mencuri kerana terlalu lapar dan dahaga yang boleh membawa maut maka ia dianggap sebagai al-darurah dan tidak akan dikenakan hukuman seperti di atas.

Apa yang paling utama, bagi mengekang jenayah rasuah, ahli-ahli politik tidak wajar sama sekali menggunakan pengaruh politik untuk melindungi pesalah rasuah yang mempunyai pertalian dengan mereka seperti yang berlaku pada 1993 kepada Michael Mates iaitu seorang anggota Kabinet penting dalam Kabinet bekas Perdana Menteri Britain yang terkenal iaitu John Major. Beliau menerima tajaan politik dari peniaga berbangsa Turki, Asil Nadir iaitu Ketua Eksekutif Polly Peck Ptd. Limited yang satu masa unggul sebagai syarikat pengedar buah-buahan yang terbesar di dunia.

Namun pada 1990, syarikat ini bankrap dengan hutang terkumpul sebanyak 1.3 bilion Pound dan Nadir dikenakan 13 pertuduhan menggelapkan duit syarikat berkenaan. Setelah dihadapkan ke mahkamah dan diikat jamin, Nadir telah melarikan diri ke Cyprus dan pihak berkuasa Britain gagal mendapatkan perintah ekstradiksi terhadap beliau.

Siasatan polis Britain akhirnya mendapati bahawa Mates ialah dalang di sebalik skandal rasuah berkenaan apabila didapati beliau menulis surat kepada Peguam Negara Britain untuk mempengaruhi agar menggugurkan pertuduhan terhadap Nadir. Apabila skandal ini diketahui umum maka Mates tiada pilihan melainkan meletakkan jawatan.

Mudah-mudahan dengan adanya usaha-usaha penyemaian nilai murni yang berterusan seperti yang tersemat dalam Bab 9 Rancangan Malaysia Ke-11 atas tajuk Nilai dan Akauntabiliti maka skandal penyelewengan yang besar melibatkan penjawat awam seperti yang berlaku baru-baru ini tidak akan berulang kembali.

* Penulis ialah Penyelaras Program Institusi Pentadbiran

THE QUEST FOR A MORAL COMPASS: A GLOBAL HISTORY OF ETHICS


Publisher: Melville House

First published 2014

Writer: Kenan Malik

In this remarkable and groundbreaking book, Kenan Malik explores the history of moral thought as it has developed over three millennia, from Homer's Greece to Mao's China, from ancient India to modern America. It tells the stories of the great philosophers, and breathes life into their ideas, while also challenging many of our most cherished moral beliefs.

Engaging and provocative, *The Quest for a Moral Compass* confronts some of humanity's deepest questions. Where do values come from? Is God necessary for moral guidance? Are there absolute moral truths? It also brings morality down to earth, showing how, throughout history, social needs and political desires have shaped moral thinking. It is a history of the world told through the history of moral thought, and a history of moral thought that casts new light on global history.



CONSCIENCE IN MORAL LIFE

Publisher: Rowman & Littlefield International

First published 2014

Writer : Jason J. Howard

The notion of conscience remains one of the most widely used moral concepts and a cornerstone of ordinary moral thinking. This book explores where this widespread confidence in conscience stems from, examining the history of conscience as a moral concept and its characteristic moral phenomenology.

Jason Howard provides a comprehensive reassessment of the function of conscience in moral life, detailing along the way the manifold problems that arise when we believe our conscience is more reliable than is actually warranted. The result is a step-by-step evaluation of our most accepted assumptions. Howard goes on to argue, from a phenomenological perspective, that conscience is indispensable for understanding moral experience. He capitalizes on a dialectical perspective developed by Hegel and Ricoeur, in which conscience is seen as the recognition of the other, and integrates this with work in the philosophy of emotion, arguing that conscience is best seen in terms of the function it serves in moderating the moral emotions of shame, guilt and pride.





ANUGERAH CEMERLANG

Pada 12 April 2016 yang lalu, seramai enam orang warga INTEGRITI telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015. Mereka ialah Muhammad Azlan Mohamed Lazim, Mohd Elminizam Mohamed Ramli, Jaafar Othman, Nazsalwani Mohd Senan, Rozana Md Tahir dan Busroo Yusoff.



KONVOKESYEN CEIO KE-5

Barisan Ahli Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) sempena Konvokesyen CeIO ke-5 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 7 April 2016. (Dari kiri) Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Dr. Anis Yusal Yusoff, Tan Sri Hj. Abu Kassim Mohamed, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Tan Sri Dato' Seri Megat Najmuddin Megat Khas, Dato' Seri Zainal Rahim Seman dan Dato' Seri Ranjit Ajit Singh.



SIARAN LANGSUNG

Pada 7 April 2016, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff telah dijemput oleh radio SPRM dalam sesi temu bual secara langsung di macc.fm.



KUNJUNGAN

INTEGRITI telah menerima kunjungan daripada sekumpulan pegawai integriti bertauliah (CeIO) pada 8 April 2016 yang lalu. Taklimat berkaitan INTEGRITI telah disampaikan sendiri oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Anis Yusal Yusoff di Dewan Murni, Menara Integriti.



SUKAN

Para pemenang Kejohanan Dodge Ball INTEGRITI anjuran Kelab Sukan dan Rekreasi INTEGRITI (KESKIM) bergambar kenangan sebaik sahaja perlawanan yang berlangsung pada 14 April 2016 berakhir.



www.integrity.my

